

Headline	Nilai eksport durian naik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	160,000
Page No	19	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	259 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,418
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,254



Nilai eksport durian *naik*

Fama jangka jumlah meningkat kepada lebih RM700 juta tahun ini

JUMLAH eksport buah-buahan segar termasuk durian, nenas dan nangka, dijangka meningkat kepada lebih RM700 juta tahun ini berbanding hampir RM600 juta pada tahun lepas, kata Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Pengerusinya, Tan Sri Badruddin Amiruldin berkata, nilai eksport durian sahaja dijangka sekurang-kurangnya berjumlah RM150 juta berbanding RM74.39 juta yang dicatat pada tahun lepas.

Beliau berkata, sasaran eksport berkenaan bagaimanapun bergantung kepada hasil pengeluaran pokok yang banyak dipengaruhi oleh cuaca.

"Kami jangka lebih banyak dusun durian mengeluarkan buah durian berkualiti tinggi, (buah-buah ini) kita akan eksport ke lebih banyak negara seperti China, Hong



Badruddin hadir pada majlis pelepasan penghantaran durian sejuk beku ke Qinzhou dan Guangxi, China sempena Festival Durian Nanning 2017, semalam.

Kong, Australia dan sebagainya," katanya selepas majlis pelepasan penghantaran durian sejuk beku ke Qinzhou, Guangxi, China, di Kuala Lumpur, semalam.

Durian kategori Musang King yang dihantar ke China

itu adalah bersempena Festival Durian Nanning 2017, yang julung kali diadakan.

Badruddin berkata, nilai eksport durian ke China dijangka meningkat kepada RM23.4 juta tahun ini berbanding RM18.02 juta tahun lalu.

Selain China, katanya, Fama turut mengeksport durian ke Singapura, Hong Kong, Indonesia, Australia dan menasaskan beberapa pasaran eksport baharu seperti Kanada dan Korea Selatan untuk musim durian yang seterusnya.